

Mac/April 1992

RPK 558 - Perundangan & Pentadbiran Perancangan

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, (Akta 172), adalah suatu Akta bagi mengadakan kawalan dan peraturan yang sempurna bagi perancangan bandar dan desa. Untuk tujuan ini, apakah tugas-tugas Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dan Jawatankuasa Perancang Negeri masing-masingnya seperti yang dinyatakan di bawah Akta ini?

Bagaimana setiap pihak ini melaksanakan tugas-tugas seperti yang diperlu di bawah Akta ini?

(25 markah)

2. Bahagian III Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, Akta 172, memperkenalkan sistem perancangan baru di Semenanjung Malaysia, iaitu sistem Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan. Nyatakan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak berkuasa perancang tempatan di dalam penyediaan sesuatu rancangan tempatan dan huraikan format dan kandungan sesuatu rancangan tempatan sebagaimana diperlukan di bawah Akta ini dan kaedah-kaedahnya.

(25 markah)

3. Taksir dan terangkan sepenuhnya apakah "pemajuan" atau "pembangunan" sebagaimana dinyatakan di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976. Huraikan prosidur-prosidur yang perlu diambil oleh pihak berkuasa perancang tempatan untuk memproses sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang seperti yang disebut di bawah Akta ini.

(25 markah)

...2/-

4. Jabatan-jabatan atau agensi-agensi yang mana yang biasanya terlibat dalam proses permohonan kebenaran merancang. Dengan menggunakan "flow chart" tunjuk tahap mana jabatan-jabatan atau agensi-agensi dilibatkan.

Huraikan perkara-perkara atau aspek-aspek dalam sesuatu pemajuan atau pembangunan dalam mana tiap-tiap jabatan atau agensi ini terlibat.

(25 markah)

5. Apakah yang dimaksudkan dengan "pecah- sempadan tanah"? Senaraikan syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum sesuatu permohonan untuk pecah- sempadan boleh diluluskan. Huraikan langkah-langkah di dalam permohonan untuk pecah- sempadan tanah.

(25 markah)

6. Terangkan dengan ringkas tentang EMPAT daripada yang berikut:-

- a) Bayaran Pemajuan
- b) Notis Beli
- c) Kawasan Tindakan
- d) Garis Aturan Jalan
- e) Pendirian Bangunan
- f) Syarat Tersirat
- g) Hakmilik Strata

(25 markah)

-ooo00ooo-